

Dewan Negara: 458 Orang Gelandangan Berdaftar Di Anjung Singgah Sehingga Februari 2012
Bernama
25 April , 2012

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Usaha kerajaan membela kebajikan rakyat negara ini termasuk golongan gelandangan dilakukan secara berterusan dan sehingga Februari lepas, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mendaftarkan 458 orang gelandangan di Anjung Singgah.

Timbalan Menteri berkenaan Heng Seai Kie berkata sejak Anjung Singgah ditubuhkan April tahun lepas, pusat itu dapat mengintegrasikan mereka ke dalam masyarakat agar tidak terus tercicir daripada arus perdana pembangunan negara.

"Disebabkan keberkesanan pelaksanaan pusat ini, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sewaktu membentangkan Belanjawan 2012 telah mengumumkan untuk memperluaskan penubuhan Anjung Singgah ke Johor, Pulau Pinang dan Sarawak," katanya ketika menjawab soalan Senator Datuk Mohammed Najeeb Abdullah pada persidangan Dewan Negara Rabu.

Mohammed Najeeb ingin tahu mengenai strategi jangka panjang Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan KPWKM bagi membendung dan menghapuskan kutu rayau, pengemis serta gelandangan di negara ini.

Heng berkata JKM dan KPWKM memandang serius isu itu dan menjalankan operasi menyelamatkan secara berkala di seluruh negara berdasarkan peruntukan mengikut Seksyen 3 (Akta Orang-orang Papa 1977).

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=661754>